BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 05/07/10 **EMBARGO: Untuk Siaran Segera**

Perkembangan Monetari dan Kewangan April 2007
Kenyataan Utama Siaran Akhbar

- Pada tempoh 1 April – 28 Mei 2007, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat dan yen Jepun dan secara relatif stabil berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau.

- Inflasi terus stabil pada 1.5% pada bulan April.

- Secara keseluruhan, permohonan dan kelulusan pinjaman terus meningkat pada asas tahunan, terutamanya permohonan dan kelulusan pinjaman perniagaan.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 05/07/10 **EMBARGO: Untuk Siaran Segera**

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN APRIL 2007

Pembiayaan sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul berkembang pada kadar tahunan sebanyak 6.7% pada bulan April. Bagi pinjaman sektor perbankan, pertumbuhan jumlah pinjaman terkumpul stabil pada 6.2%, dengan pinjaman terkumpul bagi sektor perniagaan dan isi rumah masing-masing meningkat 5.8% dan 7.9%. Secara keseluruhan, permohonan dan kelulusan pinjaman terus meningkat pada asas tahunan, terutamanya permohonan dan kelulusan pinjaman perniagaan.

Jumlah dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal meningkat dengan nyata kepada RM9.5 bilion pada bulan April. Sejumlah besar dana yang diperoleh sektor swasta adalah melalui terbitan PDS, terutamanya untuk membiayai satu penyatuan dan pengambilalihan (merger and acquisition, M & A) dalam sektor elektrik, gas dan air.

Kadar deposit tetap dan kadar pinjaman bank perdagangan secara relatif stabil pada bulan April dan Mei. Kadar antara bank bagi semua tempoh matang juga secara relatif terus stabil pada tempoh tersebut.

Pada tempoh 1 April – 28 Mei 2007, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat dan yen Jepun dan secara relatif stabil berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau.

Inflasi, seperti yang diukur oleh kadar perubahan tahunan Indeks Harga Pengguna, kekal pada 1.5% pada bulan April. Harga makanan, perumahan dan utiliti serta caj pengangkutan terus menjadi penyumbang utama kepada inflasi.

Wang secara kecil atau M1 meningkat pada kadar yang stabil, iaitu 17.9% pada bulan April, disebabkan deposit permintaan yang lebih tinggi yang disimpan oleh perusahaan perniagaan. Wang secara luas atau M3 berkembang 14.2%. Kenaikan M3 mencerminkan pertambahan dalam aset asing bersih dan juga pinjaman dan pemegangan sekuriti yang lebih tinggi oleh institusi perbankan.

Permodalan sistem perbankan terus teguh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) pada 13.1%. Nisbah pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) bersih bertambah baik kepada 4.4%, disebabkan terutamanya oleh kutipan balik serta hapus kira yang berterusan oleh institusi perbankan.

Kadar faedah terus stabil

Pada tempoh 1 April – 28 Mei, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalam bergerak dalam julat yang kecil antara 3.48% - 3.51%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga secara relatif terus stabil.

Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) purata bank perdagangan (BP) secara relatif tidak berubah pada bulan April dan Mei. Pada 15 Mei 2007, kadar disebut purata FD bagi tempoh pemegangan antara 1 hingga 12 bulan masing-masing adalah pada 3.10% dan 3.71%. Dari segi kadar pinjaman BP, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata tidak berubah pada 6.72% manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) rendah sedikit pada 6.48% pada bulan April (6.54% pada bulan Mac).



Kadar antara bank semalaman purata bergerak dalam julat yang kecil



Kadar antara bank lain secara relatif kekal stabil



Bank Negara Malaysia menyerap mudah tunai dalam sistem pada bulan April



Trend menurun kadar pinjaman purata bank perdagangan berterusan



Nisbah pembiayaan-deposit menurun lagi memandangkan pertumbuhan deposit terus tinggi



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Mac 07	3.10	3.18	3.34	3.45	3.71
Apr 07	3.10	3.18	3.33	3.43	3.71
15 Mei 07	3.10	3.18	3.32	3.43	3.71

Kadar FD secara relatif tidak berubah



Kadar FD benar 3 bulan tidak berubah

Ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang utama

Pada tempoh 1 April – 28 Mei 2007, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (2%), yen Jepun (5.3%) dan euro (1.1%). Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau dalam julat 0.9% - 2.7%, tetapi ringgit menyusut nilai berbanding dengan peso Filipina (2.9%) dan rupiah Indonesia (2.7%).



Ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang utama



Ringgit secara relatif stabil berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau

Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada mata wang asing	Akhir tempoh				Perubahan %	
	Dis 06	Mac 07	Apr 07	28 Mei 07	Akhir Dis 06 - 28 Mei 07	Akhir Mac 07 - 28 Mei 07
Dolar AS	3.5315	3.4560	3.4230	3.3880	4.2	2.0
Euro	4.6460	4.6105	4.6709	4.5596	1.9	1.1
Paun sterling	6.9315	6.7867	6.8332	6.7240	3.1	0.9
100 yen Jepun	2.9675	2.9339	2.8635	2.7854	6.5	5.3
Dolar Singapura	2.3028	2.2781	2.2524	2.2182	3.8	2.7
100 baht Thailand	9.8111	9.8785	9.8461	9.7905	0.2	0.9
100 peso Filipina	7.2027	7.1649	7.2014	7.3805	-2.4	-2.9
100 rupiah Indonesia	0.0393	0.0379	0.0377	0.0389	0.9	-2.7
100 won Korea	0.3797	0.3674	0.3678	0.3642	4.3	0.9
Renminbi China	0.4523	0.4471	0.4442	0.4429	2.1	0.9

Inflasi bulan April terus pada 1.5%

Inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan Indeks Harga Pengguna (IHP) terus pada 1.5% pada bulan April. Harga makanan, perumahan dan utiliti serta caj pengangkutan terus menjadi penyumbang utama kepada inflasi. Dalam kategori *makanan dan minuman bukan beralkohol*, kenaikan harga tertinggi dicatat oleh daging, sayur-sayuran, dan ikan dan makanan laut. Sektor *pakaian dan kasut* serta *komunikasi* terus mengalami kejatuhan harga, dengan itu menyederhanakan kenaikan keseluruhan dalam IHP.



Inflasi terus pada 1.5% pada bulan April

Kadar kenaikan harga pengeluar menjadi perlahan pada bulan Mac

Kadar kenaikan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) menjadi perlahan kepada 4.1% pada bulan Mac (Februari: 4.2%), mencerminkan kadar inflasi yang lebih rendah dalam sektor yang bukan berkaitan komoditi berikutan kenaikan harga yang lebih perlahan bagi kategori *jentera dan kelengkapan pengangkutan* dan juga *barangan perkilangan*. Walau bagaimanapun, kadar inflasi dalam sektor berkaitan komoditi adalah lebih tinggi disebabkan kenaikan harga minyak sawit mentah dan minyak mentah pada bulan tersebut.



Kadar kenaikan IHPR menjadi perlahan pada bulan Mac

Pertumbuhan berterusan dalam agregat monetari

Wang secara kecil atau M1 meningkat pada kadar yang stabil sebanyak 17.9% pada bulan April, disebabkan oleh penempatan deposit permintaan yang lebih tinggi oleh perusahaan perniagaan. Wang secara luas atau M3 pula berkembang 14.2%. Pada asas bulanan, peningkatan aset asing bersih merupakan penyumbang utama kepada pengembangan M3, mencerminkan rizab antarabangsa dan aset asing bersih institusi perbankan yang lebih tinggi. Tuntutan terhadap sektor swasta juga meningkat disebabkan pinjaman terkumpul dan pemegangan sekuriti oleh institusi perbankan yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, operasi Kerajaan memberikan kesan penguncupan terhadap M3 kerana Kerajaan mendepositkan hasil daripada terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia dengan Bank Negara Malaysia.

Penentu-Penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	Jan 07	**Feb 07**	**Mac 07**	**Apr 07**
M3	15.8	13.0	0.1	7.2
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	5.5	-1.7	-2.8	-5.4
Tuntutan ke atas sektor swasta	-2.0	2.5	4.8	5.7
Pinjaman	*2.7*	*2.1*	*3.3*	*3.1*
Sekuriti	*-4.7*	*0.3*	*1.5*	*2.6*
Operasi luar bersih *	12.4	20.3	4.6	22.2
Pengaruh lain	-0.1	-8.0	-6.5	-15.2

* Sebelum penilaian semula

M3 telah disemak semula untuk mengambil kira "lain-lain deposit" bermula Disember 1999. Sebelum itu ianya tidak termasuk dalam pengiraan M3.



M3 terus berkembang

Deposit sistem perbankan meningkat lagi

Jumlah deposit sistem perbankan meningkat RM4.3 bilion pada bulan April (Mac: RM3.8 bilion), atau pada kadar tahunan sebanyak 18.3% (Mac: 18%). Peningkatan ini terutamanya mencerminkan penempatan deposit yang lebih tinggi oleh perusahaan perniagaan dan individu, yang sebahagiannya diimbangi oleh deposit yang lebih rendah dalam kalangan institusi kewangan. Deposit institusi kewangan yang menurun adalah terutamanya dalam kalangan institusi perbankan, dan sebahagian kecilnya institusi kewangan bukan bank domestik. Ini sebahagiannnya mencerminkan penyertaan institusi-institusi ini dalam aktiviti M&A pada bulan itu. Selanjutnya, pembayaran dan penerimaan dana yang berkaitan dengan aktiviti M&A juga menyebabkan peralihan yang nyata antara instrumen deposit boleh niaga dengan perjanjian belian balik kepada deposit jangka pendek lain.

Deposit mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Jan 07	**Feb 07**	**Mac 07**	**Apr 07**
Kerajaan Persekutuan	-528	68	-24	407
Kerajaan Negeri	-46	132	993	364
Badan Berkanun [1]	47	106	653	-326
Institusi Kewangan	1,620	1,334	6,658	-7,177
Perusahaan Perniagaan	15,685	2,497	-7,506	6,962
Individu	2,391	4,494	1,927	3,339
Lain-lain [2]	1,018	511	1,096	726
Jumlah	20,188	9,142	3,798	4,295

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit mengikut Jenis
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Jan 07	**Feb 07**	**Mac 07**	**Apr 07**
Deposit tetap	5,666	5,227	-366	1,316
NID	11,107	-5,071	-4,155	-2,133
Deposit permintaan	4,194	3,078	-3,849	3,091
Deposit tabungan	766	1,661	-135	734
Perjanjian beli balik (Repo)	-2,752	1,640	6,485	-13,368
Deposit mata wang asing	289	-1,174	690	965
Deposit SPI	-418	557	2,222	3,047
Lain-lain	1,335	3,224	2,905	10,642
Jumlah	20,188	9,142	3,798	4,295

Pembiayaan kasar sektor swasta meningkat pada bulan April

Pembiayaan kasar sektor swasta meningkat kepada RM51.9 bilion pada bulan April (Mac: RM47.1 bilion), disebabkan terbitan PDS yang nyata lebih tinggi. Terbitan PDS yang lebih tinggi juga disebabkan oleh aktiviti M&A yang lebih tinggi pada bulan itu. Pada asas bersih, pembiayaan sektor swasta melalui sistem perbankan dan PDS terkumpul berkembang pada kadar tahunan yang lebih tinggi sebanyak 6.7% (Mac: 6.1%).



Terbitan PDS yang lebih tinggi meningkatkan pembiayaan kasar sektor swasta keseluruhan



Penunjuk pinjaman utama lebih rendah sedikit

Penunjuk Pinjaman Bank

	RM bilion		Pertumbuhan Tahunan (%)	
	Mar	Apr	Mar	Apr
Jumlah				
Permohonan pinjaman	33.7	29.1	19.3	28.6
Kelulusan pinjaman	22.4	18.7	26.8	31.2
Pengeluaran pinjaman	43.9	41.1	-3.9	-13.8
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	2.8	3.0	6.2	6.2
Perusahaan perniagaan[2/]				
Permohonan pinjaman	19.3	14.7	26.7	20.4
Kelulusan pinjaman	13.9	10.3	60.4	76.8
Pengeluaran pinjaman	30.3	28.5	-5.8	-11.2
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	1.9	0.8	6.3	5.8
PKS				
Permohonan pinjaman	7.2	6.9	t.b[3/]	22.6
Kelulusan pinjaman	4.1	4.0	t.b.	34.8
Pengeluaran pinjaman	12.0	11.1	t.b.	-22.6
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	3.0	-0.3	t.b.	3.7
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	14.3	14.4	10.5	38.1
Kelulusan pinjaman	8.4	8.3	-5.7	-0.6
Pengeluaran pinjaman	13.6	12.6	0.5	-19.2
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	1.2	2.3	7.8	7.9

t.b. tidak berkenaan

[1/] Pertumbuhan tahunan adalah jumlah terkumpul pada akhir tempoh.

[2/] Berikutan pengelasan baru sistem statistik institusi kewangan (FISS) berkuatkuasa April 2006, dan bagi memastikan perbandingan kadar tahunan dapat dilaksanakan bagi permohonan, kelulusan, dan bayaran balik pinjaman, kategori bagi perusahaan perniagaan telah diperluaskan dengan merangkumi pinjaman kepada pelanggan lain iaitu institusi kewangan bukan bank, Kerajaan, entiti bukan perusahaan perniagaan milik tempatan serta entiti asing. Pinjaman ini mencakupi sebahagian kecil berbanding pinjaman kepada perusahaan perniagaan. Arah aliran kadar pertumbuhan masih sama seperti sebelum perluasan kategori tersebut.

[3/] Bermula pada bulan Mac 2006 sehingga Mac 2007, pertumbuhan tahunan tidak berkenaan disebabkan terdapat pengelasan semula antara PKS dan perusahaan besar berikutan penerimaan pakai definisi standard PKS seperti yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan.

Permohonan dan kelulusan pinjaman keseluruhan lebih tinggi pada asas tahunan



Pengeluaran pinjaman terus menyeluruh

Permohonan pinjaman oleh sektor perniagaan dan sektor isi rumah mencatat kadar pertumbuhan tahunan yang lebih tinggi. Dalam sektor perniagaan, pertumbuhan pinjaman meliputi PKS dan perniagaan besar, dengan permintaan terhadap pembiayaan terutamanya berpunca daripada sektor perkilangan dan pembinaan. Dalam sektor isi rumah, pertumbuhan yang lebih kukuh dalam permohonan pinjaman disebabkan terutamanya oleh pinjaman untuk pembelian harta kediaman. Kelulusan pinjaman kepada sektor perniagaan yang meliputi semua sektor ekonomi adalah lebih tinggi manakala pertumbuhan pinjaman yang diluluskan kepada sektor isi rumah adalah lebih rendah sedikit pada asas tahunan, mencerminkan kelulusan

yang lebih rendah bagi pembelian barangan tahan lama pengguna. Pengeluaran pinjaman yang meliputi sektor perniagaan dan isi rumah adalah lebih rendah pada asas tahunan, sebahagiannya disebabkan oleh jumlah pengeluaran yang luar biasa tinggi pada bulan April 2006.

Jumlah pinjaman terkumpul berkembang pada kadar tahunan sebanyak 6.2% pada akhir bulan April (akhir bulan Mac: 6.2%). Pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan dan isi rumah masing-masing berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 5.8% dan 7.9% (Mac: masing-masing 6.3% dan 7.8%).

Dana yang diperoleh dalam pasaran modal lebih tinggi

Jumlah dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal meningkat dengan ketara kepada RM9.5 bilion pada bulan April daripada RM2.9 bilion pada bulan Mac. Sejumlah besar dana diperoleh sektor swasta terutamanya melalui terbitan PDS, khususnya bagi pembiayaan M&A dalam sektor elektrik, gas dan air. Keseluruhannya, dana bersih yang diperoleh sektor swasta berjumlah RM6.8 bilion.

Dalam sektor awam, jumlah dana kasar sebanyak RM3.1 bilion diperoleh melalui pembukaan semula Sekuriti Kerajaan Malaysia 5 tahun. Selepas pelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh berjumlah RM2.7 bilion pada bulan itu, iaitu peningkatan daripada RM1.3 bilion yang diperoleh pada bulan lepas.

Dana Bersih yang diperoleh daripada Pasaran Modal



1/ Termasuk Bon Cagamas

Prestasi KLCI kukuh

KLCI terus bertambah kukuh kepada 1,322.25 mata atau 6.1% lebih tinggi pada bulan April, berikutan prestasinya yang kukuh pada bulan Mac. Peningkatan KLCI ini didorong oleh perkembangan positif dalam sektor perladangan dan harta tanah disebabkan langkah-langkah Kerajaan dan harga minyak sawit mentah yang mencecah paras tertinggi. Permodalan pasaran meningkat kepada RM1,056.1 bilion (+7.2% sejak akhir bulan Mac), manakala urus niaga purata harian menurun kepada 1,841.3 juta unit (Mac: 1,980.9 juta unit).



Prestasi KLCI kukuh

Pada 29 Mei 2007, KLCI ditutup lebih tinggi pada 1,343 mata (+1.6% sejak akhir bulan April). Permodalan pasaran keseluruhan lebih tinggi pada RM1,067.3 bilion (+1% sejak akhir bulan April), manakala aktiviti dagangan lebih rendah dengan urus niaga purata harian pada 1,195.3 juta unit.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia berjumlah RM316.2 bilion, atau bersamaan USD91.6 bilion pada 30 April 2007. Pada 15 Mei 2007, rizab meningkat kepada RM326.5 bilion, atau bersamaan USD94.5 bilion. Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 8.6 bulan import tertangguh dan ialah 9.6 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Paras permodalan yang kukuh dalam keadaan NPL bertambah baik

Permodalan sistem perbankan terus kukuh dengan RWCR dan nisbah modal teras masing-masing pada 13.1% dan 10.2% pada akhir bulan April 2007. NPL bersih terus menurun kepada RM25.5 bilion, menyebabkan nisbah NPL bersih seterusnya menurun kepada 4.4%. Penurunan NPL itu disebabkan terutamanya oleh kutipan balik dan hapus kira institusi perbankan yang berterusan.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	Feb 07	Mac 07	Apr 07
Modal (%)										
Nisbah modal teras	10.7	11.1	11.1	11.1	11.4	10.7	10.7	10.8	10.5	10.2
RWCR	12.5	13.0	13.2	13.8	14.4	13.7	13.5	13.4	13.1	13.1
NPL bersih										
(klasifikasi 3 bulan)										
% jumlah pinjaman bersih	9.7	11.5	10.2	8.9	7.5	5.8	4.8	4.7	4.6	4.4
Jumlah (RM juta)	37,678	46,254	43,110	40,013	36,668	31,332	27,360	26,940	26,420	25,510
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih										
(3 bulan, %)	2.2	2.1	2.1	2.0	1.9	1.8	1.7	1.7	1.7	1.7

* Mulai Jun 1999, jadual ini termasuk bank-bank Islam.
* Mulai April 2005, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras merangkumi faktor risiko pasaran.



Permodalan sistem perbankan terus kukuh …



* berdasarkan klasifikasi 3 bulan

…sementara paras NPL terus menurun

Bank Negara Malaysia
30 Mei 2007

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Feb 07		Mac 07		Apr 07	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		59.7	8.9	58.7	8.5	59.7	9.5
M1		149.4	17.1	144.6	17.8	147.1	17.9
M2		756.2	17.8	754.2	17.3	753.6	16.4
M3		789.1	15.0	789.2	14.2	796.5	14.2
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		838.0	19.0	841.8	18.0	846.1	18.3
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		598.8	6.2	601.5	6.2	604.6	6.2
Nisbah pinjaman-deposit (%)		69.2		68.9		69.0	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		76.9		77.1		77.5	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		22.5	3.0	33.7	19.3	29.1	28.6
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		14.3	4.2	22.4	26.8	18.7	31.2
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		38.6	-2.0	43.9	-3.9	41.1	-13.8
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		35.7	-0.5	39.6	-5.0	38.2	-16.2
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		13.4		13.1		13.1	
NPL bersih: Klasifikasi 6 bulan (%)		4.7		4.6		4.4	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM bilion		305.9		305.9		316.2	
Rizab dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		86.9		88.6		91.6	
Bilangan bulan import tertangguh		8.1		8.1		8.4	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		3.50		3.50		3.50	
Antarabank:	Semalaman	3.49 [3.50]		3.50 [3.50]		3.50 [3.50]	
	Seminggu	3.51 [3.52]		3.52 [3.52]		3.52 [3.52]	
	1 bulan	3.55 [3.55]		3.56 [3.55]		3.54 [3.54]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	3.11		3.10		3.10	
	3 bulan	3.19		3.18		3.18	
BLR bank perdagangan		6.72		6.72		6.72	
ALR bank perdagangan		6.54		6.54		6.48	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2005=100)		105.1	3.1	105.0	1.5	105.0	1.5
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (2000=100)		129.9	4.2	130.6	4.1	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Dolar AS		3.5060		3.4560		3.4230	
Euro		4.6332		4.6105		4.6709	
Paun Sterling		6.8830		6.7867		6.8332	
100 Yen Jepun		2.9595		2.9339		2.8635	
Dolar Singapura		2.2920		2.2781		2.2524	
100 Baht Thailand		9.9012		9.8785		9.8461	
100 Peso Filipina		7.2110		7.1649		7.2014	
100 Rupiah Indonesia		0.0382		0.0379		0.0377	
100 Won Korea		0.3728		0.3674		0.3678	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	3.0		1.3		2.7	
	swasta	0.8		1.6		6.8	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		1,196.5		1,246.9		1,322.3	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		943.4		985.1		1,056.1	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.